

18/02/2001

PM kecewa ramai tidak berusaha belajar komputer

Zainudin Isa

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kecewa kerana masih ramai rakyat tidak berusaha mempelajari komputer dan bidang teknologi maklumat.

Jika sikap itu berterusan, katanya rakyat negara ini akan jauh ketinggalan dalam era komputer yang bergerak semakin pantas.

"Saya tidak gembira kerana masih ramai orang yang tidak berusaha belajar komputer. Kita tidak boleh bersikap memiliki komputer dulu, barulah nak belajar," kata beliau pada sidang media selepas melancarkan Perhimpunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) untuk K-Ekonomi di Stadium Putra Bukit Jalil, di sini semalam.

Beliau ditanya mengenai perkembangan terkini usaha kerajaan menggalakkan semua lapisan rakyat, terutama di sekolah dan sektor industri ke arah masyarakat celik komputer.

Mengenai wujud ketidakseimbangan di antara usaha kerajaan itu dengan tahap kemampuan rakyat memiliki dan mempelajari komputer berikutan ada pelajar sekolah yang dilaporkan tidak berupaya membayar yuran peperiksaan, Dr Mahathir berkata:

"Tidak berlaku ketidakseimbangan. Kalau dia beri tahu kepada kita dia tidak boleh bayar, kita boleh buat sesuatu.

"Orang banyak nak tolong. Janganlah buat cerita sedih macam dunia ini tidak ada ambil prihatin langsung," katanya merujuk kepada laporan akhbar baru-baru ini mengenai 650 pelajar di Gua Musang, Kelantan, yang gagal membayar yuran peperiksaan disebabkan kemiskinan keluarga.

Menurut Dr Mahathir, masyarakat di negara ini cukup prihatin dengan menghulurkan derma kepada penduduk miskin.

"Di Malaysia ini, kalau ada orang miskin, kalau ada orang nak duit untuk ke Makkah sekalipun, semua orang hulur derma.

"Jadi janganlah, kita buat seolah-olah dunia ini cukup tidak adil dengan berkata orang lain ada komputer kita nak bayar RM20 pun tidak boleh" katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata kerajaan sudah melaksanakan program komprehensif untuk memajukan sumber manusia negara dalam bidang ICT.

Menurut Perdana Menteri setiap tahun bidang pendidikan dan latihan diperuntukkan perbelanjaan terbesar dalam belanjawan negara.

"Saya menggesa kita mengambil peluang daripada pelbagai kemudahan dan insentif ini supaya kita tidak ketinggalan.

"Majikan pekerja ibu bapa malahan setiap orang perlu melaksanakan peranan supaya budaya cintakan ilmu itu dapat diterapkan di kalangan masyarakat," katanya.

Malah, menurut beliau, dalam merancang menjadikan Malaysia sebuah negara K-Ekonomi, kerajaan sedang menggubal Pelan Induk K-Ekonomi yang dijangka siap awal tahun ini.

Selain itu, kerajaan membangunkan Koridor Raya Multimedia (MSC) dengan diwujudkan persekitaran dan ciri yang sesuai untuk memajukan industri berasaskan multimedia.

Mengenai perhimpunan terbesar itu, beliau berkata ia menguntungkan peserta terutama apabila mereka terpaksa bekerja dengan komputer dan menggunakan Internet.

"Ia akan membantu anda membuat keputusan belian atau merancang kerjaya atau menghantar e-mel kepada anak kawan atau untuk tujuan pendidikan.

"Saya meminta anda semua jadilah orang bijak dan sediakan 'lesen komputer' untuk diri anda," katanya.

Turut hadir pada perhimpunan itu isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn.

Lebih 1,000 peserta mengikuti latihan komputer secara terus termasuk pekerja industri, kesatuan sekerja, persatuan orang cacat, pertubuhan wanita dan pelajar sekolah.

(END)